



4 April 2013
4 April 2013
P.U. (A) 132

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN)(NO. 8) 2013

STAMP DUTY (EXEMPTION)(NO. 8) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN)(NO. 8) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 8) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2017.

Pengecualian

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), semua surat cara yang berhubungan dengan penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman yang disempurnakan antara peserta program pengurusan hutang yang telah diluluskan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 48 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701] dengan penyedia kredit yang disebut dalam subperenggan (2) adalah dikecualikan daripada duti setem.

(2) “Penyedia kredit” yang disebut dalam subperenggan (1) adalah seperti yang berikut:

(a) bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372];

(b) bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276];

(c) institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618];

- (d) penginsurans hayat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553];
- (e) pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312];
- (f) pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan yang diluluskan di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003 [Akta 627];
- (g) koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502]; atau
- (h) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125].

(3) Pengecualian dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi surat cara yang disebut itu yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2017.

Dibuat 22 Mac 2013

[Perb.CR(8.20)116/1-138(2013)]LD.2(SK.8);LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;
PN(PU2)159/XXXVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION)(NO. 8) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption)(No. 8) Order 2013**.

(2) This Order is deemed to have come into operation from 1 January 2013 until 31 December 2017.

Exemption

2. (1) Subject to subparagraph (2), all instruments relating to the restructuring or rescheduling of loans executed between a participant of the debt management programme which has been approved by the Credit Counselling and Debt Management Agency, a body corporate established under section 48 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 [Act 701] and a credit provider referred to in subparagraph (2) are exempted from stamp duty.

(2) A “credit provider” referred to in subparagraph (1) is as follows:

(a) a bank licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372];

(b) an Islamic bank licensed under the Islamic Banking Act 1983 [Act 276];

(c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618];

- (d) a life insurer licensed under the Insurance Act 1996 [*Act 553*];
- (e) a takaful operator registered under the Takaful Act 1984 [*Act 312*];
- (f) a designated payment instrument issuer approved under the Payment Systems Act 2003 [*Act 627*];
- (g) a co-operative society registered under the Co-Operative Societies Act 1993 [*Act 502*]; or
- (h) the Malaysia Building Society Berhad incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*].

(3) The exemption in subparagraph (1) shall apply to the said instruments which are executed on or after 1 January 2013 but not later than 31 December 2017.

Made 22 March 2013
[Perb.CR(8.20)116/1-138(2013)]LD.2(SK.8);LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;
PN(PU2)159/XXXVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance